

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN

IPIIM

INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM

Garis Panduan Pelaksanaan Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIIM)
ini diterbitkan oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM).

Garis Panduan Pelaksanaan Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) ini diterbitkan oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM).

Cetakan Pertama 2016

Cetakan Kedua 2019

Penerbitan dan teks © Jabatan Muzium Malaysia 2016

Hak cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia. Sebarang perundingan atau persetujuan adalah tertakluk kepada terma dan syarat.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM (IPIM)

ISBN 978-967-0372-22-8

1. School museums--Malaysia.
2. Museum techniques--Study and teaching--Malaysia.
3. Museum techniques--Handbooks, manuals, etc.
 - I. Judul : Garis panduan pelaksanaan Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium. 371.39074

Penyelaras Penerbitan

Unit Penerbitan

Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi JMM

Konsep, reka bentuk dan cetakan

Percetakan Watan Sdn. Bhd.

26 Jalan Daud, Kg. Bharu

50300 W.P Kuala Lumpur

Kandungan

Seuntai Kata Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia	1
Selembat Rasa Menteri Pendidikan Malaysia	2
Sebaris Bicara Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia	3
Sehimpun Citra Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia	4
Pengenalan	5
Rasional	6
Matlamat	6
Konsep	7
Objektif	7
Tafsiran Operasional	8
Pelaksanaan Program IPIM	9
• Kumpulan Sasaran	9
• Tempoh Pelaksanaan Program	9
• Pengurusan Pelaksanaan	9
❖ Perancangan	9
❖ Pelaksanaan	9
❖ Pemantauan	11
❖ Penilaian	12
❖ Post Mortem/Penambahbaikan	12
❖ Laporan/Dokumentasi	12

• Tatacara Pelaksanaan		13
❖ Sumber Kewangan		
• Tatacara Permohonan		13
• Tatacara Pengurusan Program		14
• Pengisian Program		14
Huraian Tanggungjawab bagi Pihak Pengurusan Muzium/Sekolah/ IPG dalam Pelaksanaan IPIM		15
Keselamatan dalam Menjalankan Aktiviti di Muzium		16
• Objektif		17
• Peranan dan Tanggungjawab Pegawai Muzium		17
• Peranan dan Tanggungjawab Guru Mata Pelajaran		17
• Peranan dan Tanggungjawab Guru Pengiring		18
• Peranan dan Tanggungjawab Pelajar Semasa Aktiviti		18
Lampiran 1	Senarai Muzium yang Terlibat dalam Program IPIM	19
Lampiran 2	Senarai Pegawai Hubungan Muzium Persekutuan	20
Lampiran 3	Senarai Pegawai Hubungan Muzium Negeri dan Institusi	21
Lampiran 4	Senarai Pegawai Hubungan Jabatan Pendidikan Negeri	22
Lampiran 5	Surat Program Jom Lawat Muzium Kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Jabatan Muzium Malaysia	23
Lampiran 6	Surat Pindaan Nama Program “Jom Lawat Muzium” (JLM) kepada Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM)	24
Lampiran 7	Contoh Modul IPIM i. Contoh Rancangan Pengajaran Harian (RPH) ii. Contoh Pelan Pendidikan Muzium (PPM)	26
Penghargaan		54

Seuntai Kata

MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

Setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Muzium Malaysia (JMM) serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas usahasama padu dan inisiatif cemerlang menzahirkan sebuah program yang baik sebagai suatu pelaburan penting ke arah pembangunan modal insan yang berterusan.



Penganjuran program seperti ini amat relevan dilihat sebagai suatu transformasi pendidikan menerusi pengajaran dan pembelajaran yang lebih produktif. Ia bukan sahaja menuntut guru, siswa pendidik dan pelajar menjadi masyarakat berilmu, tetapi memanfaatkan ruang serta peluang yang ada untuk melahirkan generasi yang lebih berkualiti, berkemahiran, kreatif dan inovatif dalam memperkasa, memelihara serta memulihara seni, budaya dan warisan negara selaras dengan hasrat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Pelancaran Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) ini mengingatkan saya kepada sebuah program Pelancongan Pelajar yang pernah dilancarkan pada 24 Februari 2001 oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia bersama dengan Menteri Pendidikan Malaysia pada ketika itu. Ia diadakan untuk membantu pelajar-pelajar menghindari gejala-gejala sosial yang semakin meningkat dalam kalangan mereka dengan bijak dan berfaedah menerusi aktiviti pelancongan ke tempat-tempat bersejarah, kebudayaan, eko-pelancongan dan sebagainya. Justeru, saya percaya bahawa dengan terlaksananya program IPIM ini, ia mampu menjadi kesinambungan kepada program Pelancongan Pelajar tersebut agar budaya pelancongan domestik khususnya ke institusi-institusi permuziuman tanah air akan menjadi legasi yang semakin popular di kalangan pelajar waima warga pendidik suatu hari nanti. Saya juga berdoa ke hadirat-Nya agar perpaduan dan peningkatan integrasi kaum di kalangan generasi muda melalui aktiviti-aktiviti pelancongan dan pengembaraan muzium yang terancang dan teratur nanti boleh mengeratkan lagi hubungan serta merapatkan interaksi di antara pelajar-pelajar berbilang kaum di negara ini.

DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI

Selemba Rasa

MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat menghargai kepentingan warisan, khazanah dan sejarah. Ketiga-tiga elemen ini begitu penting dalam usaha kita membina sebuah generasi yang memiliki kefahaman menyeluruh tentang pembentukan negara dan seterusnya menyemai semangat cintakan Malaysia.

Hubungan erat di antara Jabatan Muzium Malaysia dan Jawatankuasa Penambahbaikan Mata Pelajaran Sejarah, KPM ini adalah bukti terbaik dalam melihatkan kerjasama di antara agensi kerajaan bagi pembangunan pendidikan negara. Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) merupakan satu inisiatif positif dalam menjadikan institusi muzium sebagai sistem sokongan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dalam usaha memupuk minat mendalam murid terhadap sejarah dan warisan Malaysia.

Di samping itu, muzium di seluruh negara juga perlu memanfaatkan kepelbagaian teknologi tinggi di waktu ini bagi menjadikannya lebih interaktif dan dilengkapi bahan-bahan pameran yang mampu menjadikan muzium sebagai gedung ilmu bermanfaat kepada murid dan seluruh isi masyarakat. Pengukuhan muzium menjadi titik utama dalam membentuk warganegara yang menghargai sejarah dan memantapkan keharmonian kepelbagaian kaum di Malaysia.

Akhir kata, tahniah dan syabas diucapkan kepada Jabatan Muzium Malaysia dan Jawatankuasa Penambahbaikan Mata Pelajaran Sejarah, KPM serta semua pihak yang telah berusaha gigih bagi merealisasikan penerbitan Garis Panduan Pelaksanaan Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) ini.

Selamat Maju Jaya.

DR. MASZLEE BIN MALIK

Sebaris Bicara

KETUA PENGARAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA



Sebagai pembuka bicara, marilah sama-sama kita mengucap syukur ke hadrat Illahi di atas limpah perkenan-Nya maka buku Garis Panduan Pelaksanaan Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) ini dapat diterbitkan dengan jayanya.

Penerbitan buku ini seiring dengan pelancaran program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) yang telah dilancarkan di seluruh negara dengan bermatlamat antaranya menjadikan institusi muzium sebagai sistem sokongan pengajaran dan pembelajaran (p&p) yang mantap dalam usaha peningkatan kemenjadian pelajar. Selain itu, program IPIM ini diharap dapat memupuk minat dan mencintai khazanah negara di kalangan pelajar, guru dan siswa pendidik melalui pembelajaran di institusi muzium.

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) khususnya melalui muzium-muzium di bawah pentadbirannya dan juga muzium-muzium lain di seluruh negara memainkan peranan yang penting sebagai institusi pendidikan dan pembelajaran yang tidak formal kepada pelajar-pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi. Dengan adanya IPIM ini, segala usaha memartabatkan sejarah dan budaya melalui kerjasama antara JMM dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat digarap dan diselaraskan dengan terancang. Justeru institusi muzium dan pendidikan perlu saling melengkapi di antara satu sama lain bagi tujuan pembentukan sahsiah pelajar dan jati diri mereka.

Semoga buku ini dapat dijadikan panduan terbaik kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pelaksanaan Program IPIM ini dan seterusnya mampu melahirkan generasi yang mantap dari segi jati diri dan mencintai negara. Selain itu, diharap buku ini akan diguna pakai dan dibuat penambahbaikan selaras dengan perubahan semasa untuk dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat.

Muzium Kita, Tamadun Kita.

DATUK KAMARUL BAHARIN BIN A. KASIM

Sehimpun Citra
KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas saya tujukan kepada Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang telah bekerjasama dengan Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan Mata Pelajaran Sejarah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hingga berupaya menerbitkan Garis Panduan Pelaksanaan Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM). Bagi pihak KPM, saya amat menghargai dan berterima kasih kepada semua pihak yang menjadi nadi penggerak dalam penerbitan garis panduan ini. Sistem pendidikan di negara kita sedang mengalami perubahan yang begitu drastik. Bagi memacu transformasi dalam pendidikan ini, kita perlu memberi penekanan kepada aspek Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, Kemahiran Dwibahasa, kaedah pembelajaran abad ke-21 serta menyemai perpaduan sejagat. Di samping itu, kita juga perlu bersedia untuk melangkah ke hadapan dengan amalan yang lebih baik, terkini dan bersifat futuristik.

Perubahan dalam dunia pendidikan yang semakin pesat memerlukan kita berada beberapa langkah di hadapan dalam membentuk murid yang boleh mendepani cabaran masa hadapan berdasarkan acuan kita sendiri. Saya juga amat yakin, sistem pendidikan alaf baharu yang disesuaikan dengan keperluan semasa mampu menjana pemikiran murid-murid supaya menjadi insan yang kreatif, inovatif, berdaya saing, berkarisma dalam kepimpinan serta memiliki sahsiah dan jati diri terpuji. Semoga Program IPIM ini mampu meningkatkan semangat cinta akan tanah air serta menyemai budaya dan jati diri bangsa Malaysia yang jitu dalam kalangan generasi Malaysia kini.

Akhir kata, sekali lagi tahniah dan syabas atas kerjasama yang produktif ini di antara JMM dan KPM, dan saya mendoakan kesejahteraan untuk terus berusaha mencapai kegemilangan. Bersama-samalah kita bergerak sederap dan senada dalam memajukan pendidikan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. AMIN BIN SENIN



PENGENALAN

“Majlis Muzium Antarabangsa mendefinisikan muzium sebagai sebuah institusi yang bersifat tetap, tidak membuat keuntungan, memberi khidmat kepada masyarakat, terbuka untuk umum, memperoleh, merawat, menyelidik dan mempamer warisan ketara dan tidak ketara dari bukti kewujudan manusia dan persekitarannya untuk tujuan pendidikan, pembelajaran dan hiburan”. (ICOM, 2007)

Muzium dianggap sebagai pemegang amanah warisan negara yang tidak ternilai dan mungkin tidak dapat ditukar ganti. Muzium juga berperanan sebagai sebuah institusi pendidikan tidak formal manakala sumber dan bahan-bahan yang terdapat di muzium mampu memberi kefahaman dan menarik minat sama ada yang berkaitan sejarah, sastera, sains atau alam semula jadi. Walaupun terdapat pelbagai peranan yang dimainkan oleh institusi muzium, namun pendidikan merupakan bidang utama yang perlu diberi penekanan. Bidang ini penting sebagai suatu proses penyaluran maklumat secara berkesan dan berterusan. Bagi mengukuhkan lagi peranan tersebut, pendekatan baharu yang dirangka perlu seiring dengan matlamat menjadikan muzium sebagai pusat informasi penting. Waima dengan jumlah muzium yang meningkat dari semasa ke semasa, maka sewajarnya peranan muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal menjadi semakin giat dan diperkasakan dengan penglibatan pelbagai institusi awam terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia yang menjadi pemacu kepada Falsafah Pendidikan Negara.

Sejajar dengan aspirasi Program Kebudayaan Kebangsaan, Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) ini dirangka dengan begitu teliti agar ia selaras dengan usaha-usaha untuk pembentukan dan pengekalan identiti rakyat Malaysia. Program IPIM yang merupakan program pendidikan adalah hasil kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Muzium Malaysia, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. IPIM bertindak sebagai satu wadah untuk mengintegrasikan pelajar melalui konsep silang budaya yang mana pelajar ini terdiri daripada pelbagai latar sosiobudaya dengan menggunakan pendekatan gabungan peranan pendidikan formal dan tidak formal.

Program ini juga dapat dijadikan sebagai landasan kepada transformasi sistem pendidikan Malaysia dengan memberi penekanan kepada hasrat menjana suatu sistem pendidikan yang memberi peluang kepada pelajar berkongsi pengalaman dan aspirasi di muzium demi membentuk dan memperkukuhkan lagi asas perpaduan rakyat Malaysia. Dengan penglibatan pelajar dan siswa pendidik ini dalam aktiviti permuziuman, akan memperkukuhkan lagi jati diri, perpaduan bertambah utuh dan memartabatkan tamadun kerana Muzium Kita, Tamadun Kita.

RASIONAL

Program ini menyokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan ke arah melahirkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani serta merealisasikan Aspirasi Pelajar dalam PPPM. Penglibatan pelajar dan pendidik dalam program ini berupaya memberi keseimbangan antara keperluan akademik dengan pengalaman sebenar dalam meningkatkan minat pelajar untuk meneroka pengetahuan baharu. P&p Sejarah akan lebih berkesan dengan gabungan pendidikan formal dan kaedah pendidikan muzium menerusi pendekatan *hands-on* terhadap artifak muzium. Penggunaan artifak memainkan peranan penting berfungsi sebagai sokongan kepada proses p&p dalam membantu meningkatkan kefahaman pelajar menerusi interaksi secara langsung dengan sumber utama/bahan maujud yang nyata dan sah.

Mata pelajaran Sejarah dipilih sebagai Fasa I dalam program ini rentetan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penambahbaikan Mata Pelajaran Sejarah di Kementerian Pendidikan Malaysia yang mengenal pasti bahawa muzium merupakan antara pemunya sumber sejarah iaitu artifak yang sesuai dimanfaatkan pelajar dalam memahami isi pembelajaran sejarah. Mata pelajaran Sejarah juga dipilih sebagai suatu tanggungjawab sosial institusi pendidikan tidak formal seperti muzium dalam menyokong dasar Wajib Lulus Sejarah dalam Sijil Pelajaran Malaysia yang berkuatkuasa pada 2013. Ini kerana ia dilihat sebagai pemacu ke arah persefahaman dan penerimaan terhadap teras kenegaraan. Mata pelajaran ini penting bagi melahirkan dan membentuk jati diri rakyat yang patriotik, taat setia dan cinta akan negara.

MATLAMAT

Dalam rangka strategi jangka panjang, program ini akan diperluas lagi dengan melibatkan mata pelajaran teras akademik yang lain bagi meningkatkan minat pelajar kepada mata pelajaran teras akademik lain kerana p&p lebih menarik melalui pengalaman secara langsung dan *in situ* terhadap bahan melalui koleksi yang nyata dan sah.

KONSEP

Program IPIM adalah program pembangunan sahsiah pelajar dan guru di sekolah yang menggalakkan setiap pelajar dari Tahun 4 di sekolah rendah hingga Tingkatan 6 di sekolah menengah melawat muzium **sekurang-kurangnya sebuah muzium pada satu tahap persekolahan**. Tempoh masa program dijalankan adalah pada bulan Mac hingga Ogos setiap tahun.

Program ini juga menggalakkan setiap siswa pendidik di IPG dan IPTA melawat dan menjalankan kegiatan sekurang-kurangnya satu buah muzium dalam tempoh sesi pengajian yang dikendalikan secara terancang dan sistematik.

OBJEKTIF

Objektif Program IPIM adalah seperti yang berikut:

1. Memupuk dan menyemai semangat cinta akan negara;
2. Memupuk dan menyemai perpaduan antara kaum;
3. Memupuk minat dan mencintai sejarah khazanah negara dalam kalangan pelajar, guru dan siswa pendidik melalui pembelajaran di institusi muzium;
4. Menjadikan institusi muzium sebagai sistem sokongan pengajaran dan pembelajaran (p&p) yang mantap dalam usaha peningkatan kemenjadian pelajar;
5. Memberi keseimbangan antara keperluan akademik dengan pengalaman sebenar pelajar;
6. Mencungkil bakat pelajar, guru dan siswa pendidik yang kreatif, inovatif dan produktif serta mempraktikkannya sejajar dengan kemahiran berfikir aras tinggi dan;
7. Membentuk sahsiah, jati diri, disiplin dan nilai murni pelajar, guru dan siswa pendidik.



TAFSIRAN OPERASIONAL

Dalam melaksanakan Program IPIM, tafsiran istilah-istilah adalah seperti berikut:

“muzium” ertinya sebuah institusi bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, memberi khidmat kepada masyarakat dan perkembangannya, terbuka kepada umum, memperoleh, merawat, menghubungkan dan mempamerkan warisan ketara dan tidak ketara untuk tujuan pembelajaran, pendidikan dan hiburan, bukti-buktiinggalan manusia dan persekitarannya.

“kurator” ialah profesional muzium yang bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran, merancang, menyelaras dan melaksanakan aktiviti-aktiviti permuziuman seperti pameran, pemuliharaan dan konservasi benda-benda purba, penyelidikan arkeologi, flora dan fauna, kebudayaan negara, memberi khidmat nasihat permuziuman serta menyediakan laporan hasil kajian penyelidikan.

“pendidikan muzium” Pendidikan muzium ialah suatu pembelajaran dengan yang dapat dilakukan dengan cara melihat bahan pameran, menyentuh koleksi artifak yang dipamerkan dan merasai kekukuhannya, mendengar penjelasan yang diberikan tentang koleksi artifak yang dipamerkan, memegang bahan koleksi yang dipertontonkan (pengalaman) melalui himpunan koleksi atau artifak yang dipamerkan di sesebuah muzium.

“pelajar” ertinya seseorang dari peringkat sekolah rendah hingga ke Tingkatan 6, yang kepadanya pendidikan atau latihan sedang diberikan di sesuatu institusi pendidikan.

“guru mata pelajaran” ertinya guru yang memiliki, memahami dan boleh mentafsirkan serta menghuraikan kandungan sukatan pelajaran dan huraian sukatan mata pelajaran yang berkenaan.

“guru pengiring” ertinya mana-mana guru yang dilantik atau ditugaskan oleh pihak sekolah untuk membantu guru mata pelajaran dalam mengurus dan mengendalikan aktiviti pendidikan muzium.

“siswa pendidik” ertinya pelajar-pelajar di institusi perguruan yang bakal menjadi guru dan diwajibkan menjalani latihan mengajar untuk tujuan mendedahkan mereka tentang tugas, tanggungjawab dan peranan seorang guru di sekolah.



PELAKSANAAN PROGRAM

i) Kumpulan Sasaran

Program ini dilaksanakan kepada pelajar Tahap 2 di sekolah rendah dan pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 di sekolah menengah. Setiap pelajar diberi peluang sekurang-kurangnya sekali ke satu muzium dalam tempoh satu tahap persekolahan seperti butiran berikut:

- Sekolah rendah : Tahun 4; Tahun 5; dan Tahun 6;
- Sekolah menengah: Tingkatan 1, Tingkatan 2, Tingkatan 3, Tingkatan 4, Tingkatan 5 dan Tingkatan 6;
- Sekolah kurang pelajar (SKM): menggabungkan kumpulan pelajar daripada pelbagai Tahun/Tingkatan; dan
- Guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah.

Program ini juga menggalakkan setiap siswa pendidik di IPG dan IPTA melawat dan menjalankan kegiatan sekurang-kurangnya satu buah muzium dalam tempoh sesi pengajian yang dikendalikan secara terancang dan sistematik.

ii) Tempoh Masa Pelaksanaan Program

Tempoh masa program dijalankan adalah pada bulan Mac hingga Ogos setiap tahun.

iii) Pengurusan Pelaksanaan

Proses pelaksanaan program ini akan terbahagi kepada enam (6) peringkat asas bagi sekolah dan institusi muzium iaitu:

Perancangan

Perancangan dalam konteks IPIM hendaklah dibuat pada tahun semasa pada tahun pertama pelaksanaannya dan tahun sebelum pada berikutnya dengan merujuk kepada mengenalpasti, merangka, membina, menyusun, menjadualkan serta menghasilkan Rancangan Pengajian Harian yang selari dengan konsep Pelan Pendidikan Muzium seperti di Jadual 1 dan 2.

Pelaksanaan

Pelaksanaan program IPIM hendaklah dijalankan setiap tahun seperti cadangan di dalam Jadual 3. Pihak sekolah dan institusi muzium perlu merancang pelaksanaan program IPIM mengikut kesediaan, kemampuan, kelapangan, kreativiti dan inovasi masing-masing.

Jadual 1: Fasa Perancangan Bagi Pengurusan Sekolah/IPG

FASA	AKTIVITI	BULAN									
		NOV	DIS	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO
Perancangan	<p>Mesyuarat Panitia Sejarah untuk merancang pengurusan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pemilihan dan jadual penggiliran kelas/tahap - Pembahagian tugas Guru Mata Pelajaran/Pensyarah dan Guru Pengiring - Penyelarasan bersama institusi muzium terpilih 										

Jadual 2: Fasa Perancangan Bagi Institusi Muzium

FASA	AKTIVITI	BULAN									
		NOV	DIS	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO
Perancangan	<p>Mesyuarat Jawatankuasa IPIM untuk merancang pengurusan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Persediaan dalam menerima permohonan sekolah - Penyediaan fasiliti - Pembahagian tugas - Penyelarasan bersama pihak guru yang memohon - Jadual IPIM 										

Jadual 3: Fasa Pelaksanaan Bagi Sekolah/IPG

FASA	AKTIVITI	BULAN												
		NOV	DIS	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	
Pelaksanaan	Mesyuarat Panitia Sejarah	■												
	Pengkalan Data IPIM bagi pelajar sekolah/IPG		■	■										
	Jadual IPIM		■	■										
	Kenalpasti muzium		■	■										
	Penyelarasan bersama muzium			■	■									
	Pelaksanaan IPIM					■	■	■	■	■	■			

◆ Pemantauan

Pemantauan terhadap pelaksanaan Program IPIM akan dilaksanakan mengikut beberapa fasa oleh beberapa pihak. Pemantauan ini perlu dilaksanakan sebagai strategi untuk menilai dan memastikan keberkesanan serta kejayaan program. Ia juga bertujuan untuk meneliti aspek pengurusan, keselamatan dan kebajikan pelajar serta guru di samping menjadi petunjuk kepada institusi muzium yang terlibat untuk melihat kekuatan dan kelemahan yang perlu ditambah baik. Langkah penambahbaikan ini perlu dilaksanakan oleh pihak yang terlibat dari masa ke masa untuk memastikan pelaksanaan IPIM berjalan dengan baik.

Pemantauan di peringkat institusi muzium negeri dan sekolah akan dilaksanakan oleh Pegawai Hubungan Muzium dan pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri yang telah dilantik. Manakala bagi peringkat IPG pula akan dipantau oleh pensyarah yang dilantik. Fasa pemantauan akan dilakukan setiap dua bulan sekali dan hasil pemantauan akan dikeluarkan dalam bentuk laporan.

Jadual 4: Fasa Pemantauan

FASA	AKTIVITI	BULAN												
		JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS	
Pemantauan	Sepanjang Pelaksanaan IPIM	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■

❖ Penilaian

Penilaian terhadap keberkesanan program adalah bertujuan bagi mendapatkan maklumbalas secara langsung yang akan menjadi input kepada usaha penambahbaikan program. Penilaian adalah berdasarkan kepada dapatan borang soal selidik mengenai tahap kepuasan pelanggan yang diedarkan kepada setiap pelajar, guru/pensyarah dan siswa pendidik. Fasa penilaian akan dilakukan setiap dua bulan sekali dan hasil penilaian akan dikeluarkan dalam bentuk laporan.

Jadual 5: Fasa Penilaian

FASA	AKTIVITI	BULAN												
		JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS	
Penilaian	Sepanjang Pelaksanaan IPIM													

❖ Post Mortem/Penambahbaikan

Post Mortem di peringkat induk akan dilaksanakan sekali setahun (antara bulan September dan Oktober) melibatkan pembentangan laporan oleh Pegawai Hubungan Muzium Jabatan Muzium Malaysia bagi melihat perkara-perkara yang menjadi kekangan kepada kelancaran program ini sama ada di peringkat muzium, IPG dan sekolah di peringkat Persekutuan dan Negeri.

❖ Laporan/Dokumentasi

Laporan dan dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan program perlu direkod dan disimpan untuk tujuan pendokumentasian. Laporan dan dokumen ini boleh dijadikan rujukan kepada usaha penambahbaikan dan tindak susul.

Jadual 6: Fasa Laporan/Dokumentasi

FASA	AKTIVITI	BULAN												
		JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS	
Laporan/ Dokumentasi	Post Mortem													
	Laporan													

iv) Tatacara Pelaksanaan

- Sumber Kewangan
Sumber kewangan untuk pelaksanaan program ini diperolehi daripada:-

❖ Institusi Muzium

a) Peruntukan Belanja Mengurus tahun semasa.

❖ Sekolah/IPG

a) Bantuan Geran Per Kapita (PCG): Berdasarkan SPK Bil.8/2012, Peruntukan PCG boleh digunakan bagi program dan lawatan berunsurkan pendidikan yang boleh memberi pengukuhan kepada proses P&P sama ada semasa cuti persekolahan atau hari persekolahan.

b) Wang Dana Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG):di dalam Peraturan Melancong Sekolah 1957 (The School Tour Regulations 1957) ada menyatakan klausa “Punca wang sama ada dari pelajar-pelajar, guru, PIBG, Jemaah Pengurus/Pengelola, Peruntukan Kementerian atau subsidi Jabatan atau lain-lain punca.

c) Tajaan daripada agensi kerajaan dan swasta berdasarkan sarana ibu bapa, sarana swasta dan sarana komuniti seperti yang dinyatakan dalam PPPM 2013-2015: Perkara ini boleh dilakukan sekiranya pihak sekolah tiada punca kewangan dan memohon tajaan daripada mana-mana pihak sama ada individu, agensi kerajaan atau swasta.

v) Tatacara Permohonan

Permohonan IPIM hanya dilaksanakan pada hari persekolahan sahaja mengikut kalendar akademik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia;

Bagi tempoh tahun 2016-2018, Program IPIM hanya ditawarkan untuk mata pelajaran Sejarah sahaja. Selepas 2018, program ini akan diperluaskan untuk mata pelajaran teras akademik yang lain; dan

Program IPIM terbuka kepada pelajar Tahap II Sekolah Rendah dan Tingkatan 1-6 Sekolah Menengah.

vi) Pengurusan Program

Tatacara pengurusan membawa keluar pelajar untuk mengikuti program ini adalah mengikut prosedur sedia ada seperti yang digariskan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas berikut:

- a) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/2000 bertarikh 28 Julai 2000 : Lawatan Pendidikan Pelajar Di Hari Persekolahan
- b) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2002 bertarikh 1 Ogos 2002 : Lawatan Sekolah Pada Hari Persekolahan
- c) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/2004 bertarikh 31 Disember 2004 : Pelaksanaan Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD)
- d) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/2007 bertarikh 6 Jun 2007: Garis Panduan Lawatan Pelajar

* Sebarang pertanyaan dan khidmat nasihat, sila berhubung dengan Pegawai Hubungan Muzium yang telah disenaraikan (Rujuk Lampiran)

vii) Pengisian Program

SESI	PENGISIAN
1 Sesi Taklimat	Sesi ini dikendalikan oleh pegawai pelaksana yang bertugas. Dalam sesi ini, pelajar diberi penerangan mengenai Program IPIM bagi memastikan mereka memahami objektif p&p dan membolehkan mereka membuat penilaian pada akhir program tersebut.
2 Sesi P&P	Sesi ini dikendalikan oleh guru. Sesi ini penting bagi membolehkan pelajar memahami dan membuat perbandingan secara terus terhadap tajuk yang diajar oleh guru mereka dengan koleksi yang terdapat di muzium. Apa yang dilihat di galeri pameran secara tidak langsung akan mengukuhkan lagi kefahaman mereka menerusi apa yang disampaikan oleh guru dalam sesi p&p sebelumnya.
3 Sesi Lawatan Berpandu	Pelajar akan diagihkan kepada kumpulan yang lebih kecil untuk sesi aktiviti muzium di galeri. Galeri yang dilawati adalah galeri khusus yang mempunyai segmen berkaitan dengan tajuk p&p. Aktiviti di galeri dikendalikan oleh pegawai pelaksana muzium.
4 Sesi Pengukuhan	Aktiviti pengukuhan ialah aktiviti <i>hands-on</i> yang dijalankan bagi merangsang minat dan menambah kefahaman yang lebih mendalam di kalangan pelajar terhadap topik yang dibincangkan. Penggunaan artifak memberi ruang kepada pelajar mendapat jawapan bagi persoalan empirikal terhadap kesahihan fakta sejarah dan pentarikhan serta kronologi peristiwa bersandarkan bukti material budaya yang digunakan sepanjang sesi berlangsung. Menerusi sesi ini, pelajar didedahkan dengan gerak kerja yang boleh menyumbang serta mengukuhkan pengetahuan dan pemahaman mereka terhadap tajuk yang dipelajari. Aktiviti ini dikendalikan oleh pegawai pelaksana muzium.
5 Sesi Refleksi	Sesi refleksi diadakan bagi menguji tahap kefahaman pelajar terhadap aktiviti yang telah dijalankan. Dalam sesi ini, pelajar diuji untuk melihat sejauh mana keberkesanan aktiviti yang telah dijalankan dan setakat mana mereka mencapai apa yang diharapkan.



HURAIAN TANGGUNGJAWAB BAGI PIHAK PENGURUSAN MUZIUM/SEKOLAH/IPG DALAM PELAKSANAAN IPIM

Senarai Tugas dan Peranan adalah seperti berikut:

PENTADBIR	PERANAN
Ketua Pengarah JMM	<ul style="list-style-type: none">a) Menggalakkan muzium-muzium untuk menyertai program IPIM di peringkat persekutuan, negeri dan institusi.b) Memberi galakan kepada muzium-muzium yang terlibat agar dapat melaksanakan program IPIM dengan jayanya.
Pengarah Muzium Persekutuan / Negeri	<ul style="list-style-type: none">a) Memastikan program IPIM dilaksanakan dengan lancar.b) Memberi galakan kepada pegawai yang terlibat agar menjalankan tanggungjawabnya dengan baik.c) Memantau program IPIM.
Pegawai Hubungan Muzium Persekutuan / Negeri	<ul style="list-style-type: none">a) Merupakan Pegawai Perhubungan antara JMM dan JPN.b) Membuat penyelidikan terhadap bahan sokongan (koleksi) bersesuaian dengan silibus mata pelajaran Sejarah.c) Menyediakan laporan pemantauan pelaksanaan IPIM - 2 bulan sekali.d) Bekerjasama dengan JPN untuk membantu menyelaras dan menguruskan program.
Kurator /Penolong Kurator	<ul style="list-style-type: none">a) Membuat penyelidikan terhadap bahan sokongan (koleksi) bersesuaian dengan silibus mata pelajaran Sejarah.b) Menyediakan Pelan Pendidikan Muzium yang selari dengan Rancangan Pengajaran Harian guru serta pedagogi.c) Bekerjasama dengan guru dan pensyarah dalam urusan pentadbiran dan pengurusan pelaksanaan IPIM.d) Membantu menyediakan laporan pemantauan pelaksanaan.
Pembantu Muzium	<ul style="list-style-type: none">a) Membantu menyediakan terhadap bahan sokongan (koleksi) bersesuaian dengan silibus mata pelajaran Sejarah.b) Menjalankan aktiviti dalam program IPIM yang telah ditetapkan.
Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)	<ul style="list-style-type: none">a) Menggalakkan penyertaan program pada peringkat PPD.b) Bekerjasama dengan muzium yang terlibat untuk membantu menyelaras dan menguruskan program.c) Bekerjasama dengan muzium yang terlibat memantau pelaksanaan dan keberkesanan program.d) Melaporkan pelaksanaan program secara berkala kepada KPM.
Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)	<ul style="list-style-type: none">a) Menggalakkan penyertaan program pada peringkat sekolah.b) Bekerjasama dengan muzium yang terlibat untuk membantu menyelaras dan menguruskan program.c) Bekerjasama dengan muzium yang terlibat untuk memantau pelaksanaan dan keberkesanan program.d) Melaporkan pelaksanaan program secara berkala kepada JPN.
Pengetua/ Guru Besar	<ul style="list-style-type: none">a) Menggalakkan penyertaan program oleh guru dan pelajarb) Memastikan pengurusan program dijalankan mengikut panduan dan prosedurc) Memantau pelaksanaan dan keberkesanan programd) Melaporkan pelaksanaan program secara berkala kepada PPD

Penolong Kanan (Pengurus Program)	<ul style="list-style-type: none"> a) Merancang dan mengurus pelaksanaan program b) Memastikan aspek keselamatan pelajar dibuat mengikut prosedur sedia ada c) Memastikan pengurusan program dijalankan mengikut panduan yang diberi d) Melaporkan pelaksanaan program kepada Pengetua/Guru Besar
Ketua Bidang/ Ketua Panitia (Setiausaha)	<ul style="list-style-type: none"> a) Menguruskan pelaksanaan program b) Menyediakan laporan program c) Bekerjasama dengan pegawai muzium yang terlibat d) Membantu guru merancang p&p dan persediaan membawa pelajar ke muzium
Guru Mata Pelajaran	<ul style="list-style-type: none"> a) Menyediakan dan melaksanakan p&p b) Berkommunikasi dengan pegawai muzium untuk menetapkan fokus p&p c) Memastikan segala prosedur membawa keluar pelajar mengikut ketetapan dalam pekeliling PLBD d) Menyediakan laporan pelaksanaan program
Ibu Bapa/PIBG/ Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> a) Menyokong pelaksanaan program dari aspek kewangan atau sokongan moral b) Memberi kebenaran anak-anak mengikuti program c) Menyebar luas kepentingan program kepada semua ibu bapa



KESELAMATAN DALAM MENJALANKAN AKTIVITI DI MUZIUM

Keselamatan pelajar dan siswa pendidik perlu diberi keutamaan setiap kali program IPIM dikendalikan oleh institusi muzium. Di antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

i) Objektif

- Memastikan setiap guru mata pelajaran dan guru pengiring serta pensyarah mengambil langkah-langkah keselamatan setiap kali membawa pelajar mengikuti program IPIM.
- Mengelakkan sebarang kemalangan semasa membawa pelajar ke muzium dan pulang ke sekolah/kampus serta semasa berada di muzium.
- Memastikan pelajar dan siswa pendidik mengikuti arahan yang dikeluarkan oleh guru atau pensyarah.

ii) Peranan dan Tanggungjawab Kurator

- Memastikan keselamatan di premis muzium berada pada tahap yang memuaskan.
- Memberi penjelasan yang jelas kepada guru mata pelajaran/pensyarah, guru pengiring dan pelajar mengenai langkah-langkah keselamatan semasa berada di premis muzium.

- Segera melaporkan kepada pegawai keselamatan muzium sekiranya berlaku kemalangan.
- Memahami dan mematuhi tata cara tindakan sebelum, semasa dan selepas program IPIM dijalankan.

iii) Peranan dan Tanggungjawab Guru Mata Pelajaran/Pensyarah

- Memahami dan mematuhi tata cara tindakan sebelum, semasa dan selepas program IPIM dijalankan.
- Peka terhadap surat pekeliling yang diedarkan, mengetahui dan memahami isi kandungannya.
- Memaklumkan kepada ibubapa/penjaga tentang program IPIM yang melibatkan pelajar.
- Mengedarkan borang kebenaran ibubapa/penjaga (jika berkenaan) untuk dilengkapkan dan dikumpulkan semula sebelum menyertai program IPIM.
- Memastikan kehadiran pelajar dicatat, direkod dan didokumenkan.
- Membuat penilaian secara pemerhatian, bertulis dan lisan untuk tindakan susulan dan maklum balas.
- Mengawasi pelajar sepanjang masa.

iv) Peranan dan Tanggungjawab Guru Pengiring

- Memahami dan mematuhi tata cara tindakan sebelum, semasa dan selepas program IPIM dijalankan.
- Memberi kesedaran dan kefahaman kepada pelajar tentang pentingnya keselamatan diri semasa menjalankan aktiviti di muzium.
- Menerima aduan pelajar dan mengambil tindakan susulan.
- Merekodkan semua aduan bagi sebarang insiden.

v) Peranan dan Tanggungjawab Pelajar Semasa Menjalankan Aktiviti

- Pelajar hendaklah memakai pakaian uniform sekolah atau pakaian sukan.
- Pelajar hendaklah melaporkan tahap kesihatan sekiranya berlaku ketidakselesaan sewaktu menjalankan program IPIM.
- Pelajar mesti mengikut arahan guru dan Kurator semasa melakukan aktiviti IPIM.
- Pelajar hendaklah melaporkan sebarang kemalangan kepada guru pengiring.

LAMPIRAN 1

SENARAI MUZIUM YANG TERLIBAT DENGAN IPIM

MUZIUM	NEGERI
Muzium Negara Muzium Tekstil Negara Muzium Diraja Muzium Etnologi Dunia Melayu Muzium Seni Kraf Orang Asli Muzium dan Galeri Bank Negara Malaysia Muzium Polis Diraja Malaysia	Kuala Lumpur
Muzium Kota Johor Lama Galeri Dato'Onn Muzium Kota Tinggi	Johor
Muzium Adat Muzium Lukut Teratak Zaaba Muzium Rembau Muzium Tentera Darat Malaysia	Negeri Sembilan
Muzium Seni Bina Malaysia Muzium Istana Kesultanan Melayu Melaka Muzium Sejarah dan Etnografi Muzium Rakyat Muzium Samudera	Melaka
Muzium Perak Muzium Matang Galeri Sultan Azlan Shah Muzium Beruas Kompleks Sejarah Pasir Salak Muzium Darul Ridzuan	Perak

MUZIUM	NEGERI
Muzium Sg Lembing Muzium Negeri Pahang	Pahang
Galeria Perdana Muzium Arkeologi Lembang Bujang Muzium Kota Kuala Kedah Muzium Negeri Kedah	Kedah
Muzium Kota Kayang	Perlis
Muzium Labuan Muzium Chimney	Labuan
Muzium Sultan Alam Shah	Selangor
Muzium Negeri Kelantan	Kelantan
Muzium Negeri Terengganu	Terengganu
Muzium Negeri Pulau Pinang	Pulau Pinang
Muzium Sabah	Sabah
Muzium Sarawak Muzium Warisan Islam Muzium Sejarah Cina	Sarawak

LAMPIRAN 2

SENARAI PEGAWAI HUBUNGAN MUZIUM PERSEKUTUAN

NAMA	MUZIUM	NOMBOR TELEFON	E MEL
Fadhliatun binti Azmi	Muzium Negara	03-22671111	fadhliatun@jmm.gov.my
Norhanisah binti Ahmad	Muzium Etnologi Dunia Melayu	03-22671000	hanisah@jmm.gov.my
Hartini a/p Anjang	Muzium Seni Kraf Orang Asli	03-22671000	hartini@jmm.gov.my
Kartina binti Abdul Khalid	Muzium Tekstil Negara	03-26943457	kartina@jmm.gov.my
Mohamad Najib bin Adnan	Galeria Perdana	04-9591498	najibadnan@jmm.gov.my
Salmiahwati binti Djafar	Muzium Diraja	03-22721896	salmiahwatidj@jmm.gov.my
Azman bin Adam	Muzium Arkeologi Lembah Bujang	04-4572005	azmanadam@jmm.gov.my
Hayati binti Mohamad Zawawi	Muzium Kota Kayang	04-9770027	hayati@jmm.gov.my
Azhar bin Mohamed Noor	Muzium Kota Kuala Kedah	04-7412152	azhar.mohamed@jmm.gov.my
Zarinah binti Sarifan	Muzium Perak	05-8072057	zarinah@jmm.gov.my
Zairul Hida binti Hamdan	Muzium Matang	05-8477970	zairul@jmm.gov.my
Azahar bin Mat Daud	Muzium Seni Bina Malaysia	06-2883599	azahar@jmm.gov.my
Rosiswandy bin Mohd Salleh	Muzium Adat	06-6136586	rosiswandy@jmm.gov.my
Peterson Augustine anak Augustine Jadan	Muzium Lukut	06-6512954	peterson@jmm.gov.my
Hanif Bukhari bin Ab. Rahim	Muzium Kota Johor Lama	07-8955282	hanifbukhari@jmm.gov.my
Siti Norjunaimah binti Jamaludin	Muzium Sungai Lembing	09-5412378	rebiah@jmm.gov.my
Salmiahwati binti Djafar	Muzium Labuan	087-414135	salmiahwatidj@jmm.gov.my
Nurlina binti Hamza@ Michael	Muzium Chimney	087-463603	nurlina@jmm.gov.my

* Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN 3

SENARAI PEGAWAI HUBUNGAN MUZIUM NEGERI DAN INSTITUSI

NAMA	MUZIUM	NOMBOR TELEFON	E MEL
Mohd Fauzi bin Mohamad Razali	<ul style="list-style-type: none"> Galeri Sultan Azlan Shah Muzium Beruas Kompleks Sejarah Pasir Salak Muzium Darul Ridzuan 	05-777 5362	kspsalak@hotmail.com gsas_perak@yahoo.com
Fairudz Ikhwan bin Zulkifli Noorida binti Nordin	<ul style="list-style-type: none"> Muzium Negeri Pulau Pinang 	04-2261461/62	fairudz@penangmuseum.gov.my noorida@penangmuseum.gov.my
Mohamad Noor bin Omar	<ul style="list-style-type: none"> Muzium Sarawak 	082-244 232	museumsg@Sarawak.gov.my baden7224@gmail.com
Amy Marina binti Akim	<ul style="list-style-type: none"> Muzium Negeri Pahang 	09-422 1371	amymarina@muziumpahang.gov.my masdiana@muziumpahang.gov.my
Azrizal bin Ahmad Comeil Puteri binti Ibrahim	<ul style="list-style-type: none"> Balai Sejarah Muzium Sultan Alam Shah Muzium Daerah Kuala Selangor 	03-5519 0050	azrizal@padat.gov.my comeil@padat.gov.my
Noor Aini binti Bidin	<ul style="list-style-type: none"> Galeri Dato' Onn Muzium Kota Tinggi 	07-224 5488	noorainibidin@ywj.gov.my asniza@johor.gov.my
Nurulnuha binti Ghazali	<ul style="list-style-type: none"> Muzium Negeri Kelantan 	09-748 2266	muzium@kelantan.gov.my
Ruhaiza binti Zawawi	<ul style="list-style-type: none"> Muzium Istana Kesultanan Melayu Melaka Muzium Sejarah dan Etnografi Muzium Rakyat Muzium Samudera 	06-282 6645	ruhaiza@perzim.gov.my
Ahmad Khariul Herman bin Rozali Ramlah binti Latif	<ul style="list-style-type: none"> Muzium Negeri Terengganu 	09-632 1302 09-632 1304	herman@muzium.terengganu.gov.my ramlah@muzium.terengganu.gov.my
Masita binti Md Yusoff	<ul style="list-style-type: none"> Teratak Zaaba Muzium Rembau 	06-764 3230	muziumn99@gmail.com masitayusoff@gmail.com
Zulkhiberi bin Mat	<ul style="list-style-type: none"> Muzium Negeri Kedah 	04-733 1162	zulkhiberi@muziumkedah.gov.my
Su Chin Sidih	<ul style="list-style-type: none"> Muzium Sabah 	088-253 199	Muzium.Sabah@sabah.gov.my Suchin.Sidih@sabah.gov.my
ASP Mohd Aizuddin bin Baharom Roszifah binti Abdul Wahab	<ul style="list-style-type: none"> Muzium Polis Diraja Malaysia 	03-2272 5689 011-10300508	Muzium@rmp.gov.my muziumpolis@gmail.com
Mohd Fakhrullah bin Jamlus	<ul style="list-style-type: none"> Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia 	03-9179 2888	fakrullah@bnm.gov.my
Mejar Azhar bin Ismail Lt. Hazirah bte Abu Bakar	<ul style="list-style-type: none"> Muzium Tentera Darat 	06- 646 3010 06- 647 1266	muziumtd@mod.gov.my

* Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN 4

SENARAI PEGAWAI HUBUNGAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI

NAMA	MUZIUUM	NOMBOR TELEFON	E MEL
Kamsurina binti Ahmad Hanafi	WP Putrajaya	03-88888922/ 88903070	kamsurina.ahmad@ moe.gov.my
Yaakob bin Samingan	Johor	07-2310000	yaakobsam@yahoo.com
Jamal Shah bin A.Bakar	Negeri Sembilan	06-7653100	jamaljps@yahoo.com
Mohamad Nadzir bin Noh	Perlis	04-9737777	mnadzir.noh@ moe.gov.my
Harith bin Ideris	Sabah	088-537010	harithjpsabah@ gmail.com
Ahmad Shahir bin Hj Abdullah	Kedah	04-7331311	shahirjpnkedah@ gmail.com
Ahmad Tarmizi bin Zainal Abidin	Perak	05-5015000	tarmizi.zainal@ moe.gov.my
Mohd Nizam bin Yasim	Labuan	087-583351/583357	m.nizam72@gmail.com
Napisah binti Abdul Hamid	Pahang	09-5715700	napisah.abdhamid@ gmail.com
Wan Zamri bin Wan Ali	WP Kuala Lumpur	03-62037777	zamrispa@gmail.com
Khairi bin Mohd Noor	Terengganu	09-6213000/3001	khairi7744@gmail.com
Azman bin Sharif	Selangor	03-55186500	azmansharif2009@ gmail.com
Abdul Latif bin Hj Abd Karim	Melaka	06-2323776/777	abdlatif1957@yahoo.com
Edwin Apok	Sarawak	082-473473/473494	eroy2071@yahoo.com
Che Nasir bin Che Hussain	Kelantan	09-7418000	nassier_hussain@ yahoo.com
Ahmad Zaki bin Mohd Noor	Pulau Pinang	04-6575500	ahmadzakimn@ jpnpp.edu.my

* Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.



Bahagian Pembangunan Kurikulum
Curriculum Development Division
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education
Aras 4-8, Blok E9
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Tel : 03-8884 2000
 Faks : 03-8888 9917 / 03-8888 0560
 Laman Web : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami : KP (BPK) 1400-4/1 ()
 Tarikh : 27 Januari 2015.

Pengarah,
 Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi,
 Jabatan Muzium Malaysia,
 Jalan Damansara,
 50566 Kuala Lumpur.

YBhg. Dato',

PROGRAM JOM LAWAT MUZIUM KERJASAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) DENGAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA (JMM)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas


2. Untuk makluman YBhg. Dato', KPM dan Jabatan Muzium Malaysia telah bekerjasama menghasilkan kertas cadangan "Program Jom Lawat Muzium" untuk memperkasakan mata pelajaran Sejarah. Program tersebut melibatkan peranan muzium sebagai pusat rujukan bagi murid mengenal pasti sumber sejarah dan bahan yang berkaitan dengan sejarah negara. Kertas tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Profesional KPM Bil.02/2015 pada 15 Januari 2015 dan diluluskan.
3. Sehubungan dengan itu, bahagian ini ingin memaklumkan kesediaan untuk berbincang bersama-sama pihak YBhg. Dato' sebagai tindak susul bagi menjayakan program tersebut.
4. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara tersebut, sila hubungi Cik Umi Salmah A. Manaf (03 8884 2241 atau 012 300 5801).

Kerjasama YBhg. Dato' dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


 (Dr. SARIAH BINTI ABD JALIL)
 Pengarah

"PENERAJU PENDIDIKAN NEGARA"

Sebutkan rujukan Kementerian ini apabila berhubung



Bahagian Pembangunan Kurikulum
Curriculum Development Division
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education
Aras 4-8, Blok E9
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Tel
Faks
Laman Web

: 03-8884 2000
: 03-8888 9917 / 03-8888 0560
: <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami : KP (BPK) 1400-4/1 (66)
Tarikh : 19 Mac 2015

Pengarah,
Muzium Negara,
Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Damansara,
50566 Kuala Lumpur.



Tuan,

PINDAAN NAMA PROGRAM "JOM LAWAT MUZIUM" (JLM) KEPADA "1PELAJAR 1MUZIUM" (1P1M)

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas

- Untuk makluman tuan, pihak kami telah menerima kertas cadangan daripada pihak tuan berkaitan dengan permohonan cadangan pindaan nama program Jom Lawat Muzium (JLM) kepada 1Pelajar 1Muzium (1P1M).
- Sehubungan dengan itu, pihak kami sedia maklum dengan pindaan nama program tersebut berdasarkan justifikasi yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, adalah menjadi hasrat kami agar program 1P1M dapat dilaksanakan bagi memenuhi aspirasi program tersebut.
- Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara tersebut, sila hubungi **Cik Umi Salmah A. Manaf (03 8884 2241 atau 012 300 5801)**.

Kerjasama tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Dr. SARIAH BINTI ABD JALIL)
Pengarah

U:\dr\berkhidmat\kusej-muzium\surat\120315

"PENERAJU PENDIDIKAN NEGARA"

Sebutkan rujukan Kementerian ini apabila berhubung

**CONTOH
RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN
DAN
PELAN PENDIDIKAN MUZIUM**

LAMPIRAN 7

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH 1)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tema/Tajuk	ZAMAN PRASEJARAH
Masa	60 minit
Objektif	<p>Pada akhir pembelajaran dan pengajaran, murid dapat;</p> <ol style="list-style-type: none">Menghuraikan maksud prasejarahMelengkapkan jadual berhubung zaman-zaman utama prasejarah melalui permainan Misteri DirikuMenghasilkan dua rangkap pantun berhubung sikap manusia pra sejarah yang perlu dicontohi.
Aktiviti	<ol style="list-style-type: none">Menonton tayangan video tentang zaman prasejarahBercerita tentang situasi zaman prasejarahPermainan Misteri DirikuMembacakan pantun yang dihasilkan.
EMK	<p>Nilai Murni : Bersyukur</p> <p>KPS : Elemen asas sejarah</p> <p>Dimensi Kewarganegaraan : Menghargai sejarah asal usul negara</p> <p>Bahasa : Kemahiran mencipta pantun</p>
Bahan Bantu Belajar	Komputer, LCD,DVD, buku teks, bahan permainan Misteri Diriku, kad arahan

PELAN PENDIDIKAN MUZIUM (PPM 1)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tajuk	ZAMAN PRASEJARAH MALAYSIA
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengenal pasti tahap-tahap zaman prasejarah Malaysia serta lokasinya. ii. Memahami ciri-ciri kehidupan manusia pada setiap zaman dari segi penggunaan alatan batu, penciptaan tembikar dan amalan kepercayaan. iii. Menghargai dan menyedar peri pentingnya tinggalan warisan sejarah.
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> i. Menonton tayangan video tentang Manusia Perak. ii. Mengenal pasti peralatan batu mengikut zaman prasejarah yang berbeza. iii. Menganalisis siput sedut jumpaan di tapak arkeologi Lembah Lenggong. iv. Mengenal tembikar-tembikar prasejarah dan menghasilkan tembikar dengan menggunakan plastisin.
Koleksi	<ul style="list-style-type: none"> i. Peralatan batu zaman Paleolitik, Epi-Paleolitik/ Hoabinhian dan Neolitik. ii. Siput sedut. iii. Serpihan tembikar Neolitik.
BBM	VCD Manusia Perak.
Refleksi	Guru mengendalikan sesi refleksi untuk memastikan para pelajar dapat memahami topik zaman prasejarah dengan pembelajaran menerusi aktiviti lawatan berpandu di galeri prasejarah serta kegiatan <i>hands-on</i> .

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH 2)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tema/Tajuk	ZAMAN PRASEJARAH: KEHIDUPAN MANUSIA PRASEJARAH (ALATAN)
Objektif Pembelajaran	<p>Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menyenaraikan tiga alatan yang dicipta oleh manusia prasejarah. ii. Menerangkan dua kegunaan bagi tiga alatan yang dicipta oleh manusia prasejarah. iii. Merumuskan sikap manusia dalam menghadapi perubahan dalam kehidupan.
Aktiviti	<ol style="list-style-type: none"> i. Murid ditunjukkan alatan yang digunakan pada masa kini dan bersoal jawab dengan guru. ii. Murid dibahagikan dalam kumpulan iii. Murid diminta menamakan alatan yang digunakan oleh manusia zaman prasejarah dan kegunaannya dan menampalkan lembaran kerja yang disediakan. iv. Setiap kumpulan diminta membentangkan hasil kerja. v. Murid merumus tentang bukti alatan yang digunakan pada zaman kini yang dikatakan mengalami evolusi daripada alatan yang digunakan pada zaman prasejarah.
EMK	<p>Nilai Murni : Perkongsian sejarah, berbangga dengan asal usul negara, memelihara warisan negara</p> <p>KPS : Memahami kronologi (susunan masa), meneroka bukti (signifikan bukti), kreativiti & inovasi, keusahawanan</p> <p>Dimensi Kewarganegaraan : Menghargai sejarah asal usul negara</p>
Bahan Bantu Belajar	Gunting, tukul besi, pemetik api, gambar alatan manusia prasejarah, gambar dan kad manila.

PELAN PENDIDIKAN MUZIUM (PPM 2)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tajuk	ZAMAN PRASEJARAH MALAYSIA - Kegiatan Masyarakat Prasejarah
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> i. Memperkenalkan kegiatan masyarakat prasejarah seperti menangkap ikan, mengutip buahan hutan dan memasak ii. Mengenal pasti alatan menangkap ikan dan memasak dan kaedahnya dalam masyarakat prasejarah iii. Menyatakan aktiviti mengutip buah-buahan hutan sebagai sumber makanan iv. Menyatakan kaedah masyarakat prasejarah dalam mendapatkan sumber api
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> i. Memberi penerangan tentang cara masyarakat prasejarah membuat api dengan menggunakan kayu dan batu ii. Mengenal peralatan yang digunakan semasa menangkap ikan seperti bubu dan kayu runcing. Pelajar perlu menangkap ikan dengan menggunakan peralatan tersebut. iii. Pelajar memasak ikan yang ditangkap dengan menggunakan peralatan memasak iv. Mengutip buah-buahan hutan
Koleksi	Peralatan batu zaman Paleolitik, Epi-Paleolitik/ Hoabinhian dan Neolitik.
BBM	Bubu/kayu runcing.
Refleksi	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengenalpasti pengetahuan sedia ada pelajar berkenaan kegiatan masyarakat prasejarah. ii. Pelajar mengulas kaedah masyarakat prasejarah menangkap ikan dan membuat api dengan menggunakan kayu dan batu. iii. Pelajar memberi pandangan terhadap pembelajaran oleh muzium sebelum dan selepas proses p&p dan modul permuziuman.

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH 3)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tema/Tajuk	KEHIDUPAN MASYARAKAT PRASEJARAH (ZAMAN PALEOLITIK)
Masa	60 minit
Objektif Pembelajaran	<p>Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan maksud/tempoh zaman Paleolitik ii. Membincangkan lokasi dan petempatan masyarakat Paleolitik iii. Menyatakan kegiatan masyarakat Paleolitik iv. Mengenal pasti alatan dan kegunaannya dalam masyarakat Paleolitik v. Menyatakan sikap manusia prasejarah yang perlu dicontohi vi. Menyatakan kepentingan menghargai tinggalan sejarah
Aktiviti	<ol style="list-style-type: none"> i. Menonton tayangan video klip kartun <i>Flintstone</i> ii. Bercerita tentang keadaan masyarakat zaman Paleolitik iii. Meneroka pemahaman murid melalui gambar/replika peralatan-peralatan yang digunakan oleh masyarakat Paleolitik iv. Membincangkan aktiviti memungut hasil hutan, mengutip buah-buahan, menangkap ikan dan menghidupkan api v. Bersoal jawab
EMK	<p>Nilai Murni : Bersyukur, kasih sayang, menghargai alam sekitar</p> <p>KPS : Elemen asas sejarah (memahami kronologi), meneroka bukti</p> <p>Dimensi Kewarganegaran : Berbangga dengan asal usul sejarah bangsa</p> <p>TMK : Belajar melalui TMK (akses <i>internet/website</i>)</p>
Alat Bantu Mengajar	Komputer, LCD, DVD, <i>slaid power point</i> , batu pemukul untuk membuat baju kulit kayu.

PELAN PENDIDIKAN MUZIUM (PPM 3)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tajuk	ZAMAN PRASEJARAH MALAYSIA
Sub Topik	Kehidupan Masyarakat Pada Zaman Paleolitik
Objektif	Memperkenalkan kegiatan masyarakat zaman Paleolitik yang hidup bergantung kepada hasil hutan untuk mendapatkan bahan melindungi tubuh daripada kesejukan dan hujan.
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> i. Memberi tunjuk ajar bagaimana cara masyarakat Paleolitik menggunakan dedaun dan hasil hutan untuk melindungi badan mereka semasa hujan dan cuaca panas. ii. Memberi tunjuk ajar serta gambaran bagaimana masyarakat zaman Paleolitik cuba mendapatkan bahan dedaun dan kulit kayu dari hutan untuk menghasilkan bahan pelindung tubuh badan mereka. iii. Lawatan berpandu ke galeri yang fokus kepada objek dan artifak baju kulit kayu dan peralatan pembuatannya.
Koleksi	Bahan serta serat daun.
BBM	Koleksi di bilik pameran, video demonstrasi dan <i>power point</i> .
Refleksi	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengenalpasti pengetahuan sedia ada pelajar berkenaan masyarakat zaman Paleolitik. ii. Pelajar mengulas bagaimana masyarakat Paleolitik bergantung penuh kepada sekeliling alam bagi melindungi keselamatan tubuh badan mereka. iii. Pelajar memberi pandangan terhadap pembelajaran oleh muzium sebelum dan selepas proses p&p dan modul permuziuman.

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH 4)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tema/Tajuk	KEHIDUPAN MASYARAKAT PRASEJARAH (ZAMAN NEOLITIK)
Masa	60 minit
Objektif Pembelajaran	<p>Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan maksud/tempoh zaman Neolitik ii. Membincangkan lokasi dan petempatan masyarakat Neolitik iii. Menyatakan kegiatan dan aktiviti hidup masyarakat Neolitik iv. Mengenal pasti alatan dan kegunaannya dalam masyarakat Neolitik v. Menyatakan sikap manusia prasejarah yang perlu dicontohi vi. Menyatakan kepentingan menghargai tinggalan sejarah
Aktiviti	<ol style="list-style-type: none"> i. Menonton tayangan video klip kartun <i>Flintstone</i> ii. Bercerita tentang keadaan masyarakat zaman Neolitik iii. Meneroka pemahaman murid melalui gambar/replika peralatan dan perhiasan yang digunakan oleh masyarakat Neolitik iv. Membincangkan aktiviti bercucuk tanam dan menternak binatang dan upacara keagamaan. v. Bersoal jawab
EMK	<p>Nilai Murni : Bersyukur, kasih sayang, menghargai alam sekitar</p> <p>KPS : Elemen asas sejarah (memahami kronologi), meneroka bukti</p> <p>Dimensi Kewarganegaran : Berbangga dengan asal usul sejarah bangsa</p> <p>TMK : Belajar melalui TMK (akses <i>internet/website</i>)</p>
Alat Bantu Mengajar	Komputer, LCD, DVD, <i>slaid power point</i> , batu pemukul kulit kayu berukir dan kayu pemukul kulit kayu serta baju kulit kayu terap (Artocarpus)

PELAN PENDIDIKAN MUZIUM (PPM 4)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tajuk	ZAMAN PRASEJARAH MALAYSIA
Sub Topik	Kehidupan Masyarakat Pada Zaman Neolitik
Objektif	Menyatakan kaedah masyarakat prasejarah dalam mendapatkan sumber kulit kayu terap (Artocarpus) dari sumber hutan untuk dijadikan pakaian.
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengenalpasti peralatan membuat baju kulit kayu yang dinamai kayu pemukul kulit kayu dan batu pemukul kulit kayu berukir. ii. Memberi tunjuk ajar bagaimana cara masyarakat Neolitik menggunakan peralatan pemukul kulit kayu dan batu pemukul kayu berukir untuk menghasilkan baju kulit kayu terap. iii. Memberi tunjuk ajar serta gambaran bagaimana masyarakat zaman Neolitik cuba mendapatkan bahan kulit kayu terap dari hutan untuk menghasilkan pakaian kulit kayu. iv. Memberi sekumpulan pelajar kulit kayu terap untuk diketuk untuk dijadikan pakaian kulit kayu yang boleh digunakan sebagai pakaian. v. Lawatan berpandu ke galeri yang fokus kepada objek dan artifak baju kulit kayu dan peralatan pembuatannya.
Koleksi	Replika “kayu pemukul kulit kayu” dan replika “batu pemukul kulit kayu” untu dijadikan sebagai bahan “hands-on” untuk menumbuk kulit kayu.
BBM	Koleksi di bilik pameran, video demonstrasi dan <i>power point</i> .
Refleksi	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengenalpasti pengetahuan sedia ada pelajar berkenaan masyarakat zaman Neolitik. ii. Pelajar mengulas bagaimana masyarakat Neolitik menghasilkan baju kulit dan kegunaannya. iii. Pelajar memberi pandangan terhadap pembelajaran oleh muzium sebelum dan selepas proses p&p dan modul permuziuman.

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH 5)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tema/Tajuk	KEHIDUPAN MASYARAKAT PRASEJARAH (ZAMAN LOGAM)
Masa	60 minit
Objektif Pembelajaran	<p>Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan maksud/tempoh zaman Logam ii. Membincangkan lokasi dan petempatan masyarakat zaman Logam iii. Menyatakan kegiatan dan aktiviti masyarakat zaman Logam iv. Mengenalpasti alatan dan kegunaannya dalam masyarakat zaman Logam v. Menyatakan sikap manusia prasejarah yang perlu dicontohi vi. Menyatakan kepentingan menghargaiinggalan Sejarah
Aktiviti	<ol style="list-style-type: none"> i. Menonton tayangan video klip kartun <i>Flinstone</i> ii. Bercerita tentang keadaan masyarakat zaman Logam iii. meneroka pemahaman murid melalui gambar/replika peralatan-peralatan yang digunakan oleh masyarakat zaman Logam iv. membincangkan aktiviti-aktiviti kehidupan masyarakat zaman Logam v. Bersoal jawab
EMK	<p>Nilai Murni : Bersyukur, kasih sayang, menghargai alam sekitar</p> <p>KPS : Elemen asas sejarah (memahami kronologi), meneroka bukti</p> <p>Dimensi Kewarganegaran : Berbangga dengan asal usul sejarah bangsa</p> <p>TMK : Belajar melalui TMK (Akses <i>Internet/website</i>)</p>
Alat Bantu Mengajar	Komputer, LCD, DVD, <i>slide power point</i> , gendang dongsong untuk upacara pengebumian dan motif daripada gendang ini dijadikan motif lukisan.

PELAN PENDIDIKAN MUZIUM (PPM 5)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tajuk/Sub Topik	ZAMAN PRASEJARAH MALAYSIA (ZAMAN LOGAM)
Objektif	Menyatakan kaedah masyarakat zaman Logam dalam menghasilkan tekstil dengan menggunakan panduan untuk mendapatkan idea menghasilkan corak serta motif dari gendang Dong Song. Mengenal pasti peralatan menenun.
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> i. Memberi tunjuk ajar bagaimana cara masyarakat Neolitik menggunakan peralatan pemukul kulit kayu dan batu pemukul kayu berukir untuk menghasilkan baju kulit kayu terap. ii. Memberi tunjuk ajar serta gambaran bagaimana masyarakat zaman Neolitik cuba mendapatkan bahan kulit kayu terap dari hutan untuk menghasilkan pakaian kulit kayu. iii. Memberi sekumpulan pelajar kulit kayu terap untuk diketuk untuk dijadikan pakaian kulit kayu yang boleh digunakan sebagai pakaian. iv. Lawatan Berpandu ke galeri yang fokus kepada objek dan artifak baju kulit kayu dan peralatan pembuatannya serta sejarah awal evolusi tekstil di Malaysia.
Koleksi	Replika “kayu pemukul kulit kayu” dan replika “batu pemukul kulit kayu” untuk dijadikan sebagai bahan “hands-on” untuk menumbuk kulit kayu.
BBM	Koleksi di bilik pameran, video demonstrasi dan <i>power point</i> .
Refleksi	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengenalpasti pengetahuan sedia ada pelajar berkenaan masyarakat zaman Logam. ii. Pelajar mengulas bagaimana masyarakat Logam menghasilkan baju kulit dan kegunaannya. iii. Pelajar memberi pandangan terhadap pembelajaran oleh muzium sebelum dan selepas proses p&p dan modul permuziuman.

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH 6)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tema/Tajuk	TINDAK BALAS MASYARAKAT TEMPATAN TERHADAP PENJAJAH BRITISH
Masa	60 minit
Objektif Pembelajaran	<p>Pada akhir pembelajaran dan pengajaran, murid akan dapat;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan faktor-faktor penentangan terhadap penjajahan British. ii. Menghuraikan bentuk-bentuk penentangan terhadap penjajahan British. iii. Menganalisis kesan-kesan penentangan penjajahan.
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> i. Menonton tayangan video/filem berkaitan dengan penentangan penjajah ii. Bercerita tentang situasi zaman penjajahan iii. Permainan Kotak Misteri iv. Membacakan pantun yang dihasilkan
EMK	<p>Nilai Murni : Bertanggungjawab</p> <p>KPS : Elemen asas sejarah</p> <p>Dimensi Kewarganegaraan : Menghargai perjuangan pemimpin</p> <p>Bahasa : Kemahiran mencipta sajak</p>
Bahan Bantu Mengajar	Komputer, LCD, DVD, buku teks.

PELAN PENDIDIKAN MUZIUM (PPM 6)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tajuk/Sub Topik	TINDAK BALAS MASYARAKAT TEMPATAN TERHADAP PENJAJAH BRITISH
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> i. Memberi pendedahan kepada pelajar sejarah penentangan masyarakat Sarawak terhadap penjajahan Brooke. ii. Memberi informasi kepada pelajar tentang tokoh-tokoh yang menentang pemerintahan Brooke. iii. Memberikan pelajar tentang cara membersihkan parang dan terabai.
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar dibawa melawati galeri dan diberi penerangan berkenaan pemerintahan Brooke. ii. Kurator menunjukkan parang Ilang dan terabai tentang artifak yang berkaitan (<i>slide power point & edaran</i>). iii. Pelajar diminta untuk memberikan pandangan berkaitan dengan artifak yang digunakan dan tokoh-tokoh yang terlibat semasa pemerintahan Brooke. iv. Kurator memberikan tunjuk ajar pelajar bagaimana membersihkan pedang dan terabai.
Koleksi	Parang Ilang dan Terabai.
	<i>Slide power point</i> mengenai sejarah awal Sarawak di Kerajaan Brunei.
BBM	<ul style="list-style-type: none"> i. Penjelasan tentang penyerahan Sarawak kepada James Brooke. ii. Penentangan masyarakat Sarawak kepada pemerintahan Brooke. iii. Tokoh-tokoh tempatan yang terlibat dalam penentangan Brooke. iv. Perjuangan Dayak Darat menentang keluarga Brooke.
Refleksi	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengenal pasti pengetahuan bagaimana masyarakat Sarawak hanya menggunakan pedang untuk melawan pihak musuh. ii. Pelajar akan diberikan peluang untuk membersihkan parang dan terabai. iii. Pelajar memberikan pandangan terhadap pembelajaran oleh muzium sebelum dan selepas proses p&p dan modul permuziuman.

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH 7)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tema/Tajuk	KERAJAAN MELAYU AWAL
Masa	60 minit
Objektif Pembelajaran	<p>Pada akhir pengajaran dan pembelajaran murid dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menamakan enam buah Kerajaan Melayu Awal. ii. Menandakan enam lokasi Kerajaan Melayu Awal di peta. iii. Menyatakan empat keunikan/keistimewaan Kerajaan Melayu Awal (KBAT)
Aktiviti	<ol style="list-style-type: none"> i. Guru memaparkan peta kosong dan tayangan video berkaitan Kerajaan Melayu Awal. ii. Murid menanda lokasi Kerajaan Melayu Awal di atas peta kosong yang diedarkan. iii. Murid menamakan artifak-artifak (mata wang tampang), gambar yang dipamerkan berkaitan latar belakang Kerajaan Melayu Awal. iv. Murid menyenaraikan empat keunikan/keistimewaan Kerajaan Melayu Awal.
EMK	<p>Nilai Murni : Menghargai bahan sejarah, bersyukur, bertanggungjawab</p> <p>KPS : Kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi</p> <p>TMK : Pelajar melalui TMK</p>
Bahan Bantu Mengajar	<ol style="list-style-type: none"> i. Komputer, LCD, video ii. Peta kosong Kerajaan Melayu Awal

PELAN PENDIDIKAN MUZIUM (PPM 7)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tajuk/Sub Topik	KERAJAAN MELAYU AWAL
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> i. Memberi pendedahan kepada pelajar terhadap peranan dan keistimewaan serta kepentingan Kerajaan Melayu Awal. ii. Kepentingan kerajaan Melayu dalam membentuk kewujudan pembentukan negara bangsa pada hari ini. iii. Merangsang pemikiran dan kreativiti pelajar bagi melahirkan idea-idea yang kreatif dan inovatif.
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar dibawa melawat ke galeri dan diberi penerangan serta pendedahan berkaitan artifak Kerajaan Melayu Awal. ii. Melakonkan semula peristiwa-peristiwa penting yang memaparkan kehebatan dan kelangsungan empayar Melayu. iii. Menamakan dan menandakan lokasi-lokasi Kerajaan Melayu Awal di peta. iv. Melakukan aktiviti menyediakan rakit buluh dan aktiviti pertanian awal seperti menanam dan menuai padi, membanting, menumbuk padi, menampi padi menggunakan lesung kaki dan tangan untuk dijadikan beras. v. Melakukan aktiviti menangkap ikan menggunakan lukah, bubu, lembing buluh dan belat.
Koleksi	Matawang tampang, matawang emas, senjata (keris dan lembing), makara (ukiran Hindu Buddha), avalokitsvara (patung), patung Brahmin Jalong), batu alas tiang, pelapik tiang, somasutra, lingga, seramik, Hikayat Salatus Salatin
BBM	Komputer, multimedia, LCD, <i>slide power point</i> , replika artifak yang bersesuaian
Refleksi	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengenalpasti pengetahuan sedia ada pelajar berkenaan lambang-lambang dan ciri-ciri asas negara bangsa pada zaman Kerajaan Melayu Awal. ii. Pelajar menjawab kuiz berkaitan perbezaan ciri-ciri negara dan bangsa di antara zaman Kerajaan Melayu Awal dan Malaysia. iii. Pelajar memberikan pandangan terhadap pembelajaran oleh muzium sebelum dan selepas proses p&p dan modul permuziuman.

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH 8)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tema/Tajuk	KERAJAAN MELAYU AWAL DI ASIA TENGGARA
Masa	60 minit
Objektif Pembelajaran	<p>Pada akhir pengajaran dan pembelajaran murid dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menerangkan maksud kerajaan agraria dan maritim. ii. Memberikan ciri-ciri serta melabelkan lokasi kerajaan tersebut. iii. Menyatakan kepentingan lembah sungai kepada pembentukan Kerajaan Melayu Awal (KBAT).
Aktiviti	<ol style="list-style-type: none"> i. Murid kumpulan pertama melakukan aktiviti menumbuk padi dan rempah ratus, menggiling lada dan memerah air tebu. ii. Murid kumpulan kedua melakukan aktiviti menyukat beras dengan menggunakan alat sukat dan timbang tradisional. iii. Murid membuat peta <i>i think</i> berkaitan maksud dan ciri-ciri kerajaan Kerajaan Melayu Awal. iv. Melabelkan lokasi Kerajaan Melayu Awal pada peta kosong. v. Menyenaraikan kepentingan lembah sungai kepada pembentukan Kerajaan Melayu Awal (KBAT).
EMK	<p>Nilai Murni : Menghargai bahan Sejarah, bersyukur, bertanggungjawab</p> <p>KPS : Kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi</p> <p>TMK : Belajar melalui TMK</p>
Bahan Bantu Mengajar	<ol style="list-style-type: none"> i. Komputer, LCD ii. Peta kosong Kerajaan Melayu Awal

PELAN PENDIDIKAN MUZIUM (PPM 8)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tajuk/Sub Topik	KERAJAAN MELAYU AWAL DI ASIA TENGGARA
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> i. Memperjelaskan dan memberi gambaran tepat kepada pelajar tentang fungsi, maksud dan ciri-ciri kerajaan agraria dan maritim. ii. Memperjelaskan kepada pelajar kepentingan laluan maritim kepada Kerajaan Melayu Awal. iii. Merangsang pemikiran dan kreativiti pelajar bagi melahirkan idea-idea yang kreatif dan inovatif.
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar dibawa meneroka dan menghayati kesinambungan kerajaan awal di galeri dan diberi penerangan, pendedahan berkaitan artifak Kerajaan Melayu Awal secara menyeluruh. ii. Pelajar perlu membuat intrepetasi artifak-artifak yang berhubung kait dengan tamadun Melayu awal. iii. Pelajar perlu menganalisis dan memberi pandangan berkaitan teori-teori awal kerajaan Melayu dalam konteks masa kini. iv. Membahagikan pelajar kepada dua kumpulan bagi membahaskan bentuk sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Awal dan perbandingan dengan masa kini. v. Melakukan aktiviti eksplorasi dan ekskavasi tapak sejarah bagi mencari bukti tinggalan sejarah Kerajaan Melayu Awal.
Koleksi	Alat memerah tebu, alat lesung batu, alat lesung kaki dan tangan, batu giling, perahu sagor, perahu layar dan alat sukatan.
BBM	Komputer, multimedia, LCD, <i>slide power point</i> , replika artifak yang bersesuaian.
Refleksi	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengenalpasti pengetahuan sedia ada pelajar berkenaan lambang-lambang dan ciri-ciri asas negara bangsa pada zaman kerajaan Melayu awal. ii. Pelajar menjawab kuiz berkaitan perbezaan ciri-ciri negara bangsa di antara zaman Kerajaan Melayu Awal dan Malaysia. iii. Pelajar mengulas kepentingan ciri-ciri yang menjadi warisan asas kepada negara bangsa kerajaan Malaysia. iv. Pelajar memberi pandangan terhadap pembelajaran oleh muzium sebelum dan selepas proses p&p dan modul permuziuman.

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH 9)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tema/Tajuk	TAMADUN AWAL DI ASIA TENGGARA
Masa	60 minit
Objektif Pembelajaran	<p>Pada akhir pengajaran dan pembelajaran murid dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menerangkan bentuk Kerajaan Melayu Awal ii. Menyenaraikan ciri Kerajaan Melayu Awal iii. Membuat empat perbandingan antara Kerajaan Melayu Awal
Aktiviti	<ol style="list-style-type: none"> i. Guru memaparkan teka kata yang disediakan dalam manila kad yang mengandungi nama-nama Kerajaan Melayu Awal secara rawak. ii. Pelajar diminta untuk menyusun huruf mencari nama kerajaan yang sebenar. iii. Pelajar mengaitkan kerajaan tersebut dengan tajuk p&p dengan membezakan Kerajaan Melayu Awal melalui paparan gambar-gambar artifak berkaitan Kerajaan Melayu Awal. iv. Guru meminta dua orang pelajar melakonkan watak berdasarkan dialog yang disediakan. v. Berdasarkan lakonan tadi guru meminta pelajar mengenalpasti persamaan Kerajaan Melayu Awal melalui peta <i>i think</i> (peta buih berganda).
EMK	<p>Nilai Murni : Menghargai bahan Sejarah, bersyukur, bertanggungjawab</p> <p>KPS : Kronologi, meneroka bukti, membuat rasionalisasi</p> <p>TMK : Belajar melalui TMK</p>
Bahan Bantu Mengajar	<ol style="list-style-type: none"> i. Komputer, LCD ii. Skrip dialog

PELAN PENDIDIKAN MUZIUM (PPM 9)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tajuk/Sub Topik	TAMADUN AWAL DI ASIA TENGGARA
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> i. Memperjelaskan dan memberi gambaran tepat kepada pelajar tentang fungsi, maksud dan ciri-ciri kerajaan agraria dan maritim. ii. Memperjelaskan kepada pelajar kepentingan laluan maritim kepada Kerajaan Melayu awal. iii. Merangsang pemikiran dan kreativiti pelajar bagi melahirkan idea-dea yang kreatif dan inovatif.
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar dibawa meneroka dan menghayati kesinambungan kerajaan awal di galeri dan diberi penerangan, pendedahan berkaitan artifak Kerajaan Melayu Awal secara menyeluruh. ii. Pelajar perlu mengintrepetasi artifak-artifak yang berhubung kait dengan tamadun Melayu awal. iii. Membahagikan pelajar kepada dua kumpulan bagi membahaskan bentuk sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Awal dan perbandingan dengan masa kini. iv. Melakukan aktiviti eksplorasi dan ekskavasi tapak sejarah bagi mencari bukti tinggalan sejarah Kerajaan Melayu Awal.
Koleksi	Bahan muzium : alat memerah tebu, alat lesung batu, alat lesung kaki dan tangan, batu giling, perahu sagor, perahu layar, alat sukatan, matawang kerajaan Melayu.
BBM	Komputer, multimedia, LCD, <i>slide power point</i> , replika artifak yang bersesuaian.
Refleksi	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengenalpasti pengetahuan sedia ada pelajar berkenaan lambang-lambang dan ciri-ciri asas negara bangsa pada zaman kerajaan Melayu awal. ii. Pelajar menjawab kuiz berkaitan perbezaan ciri-ciri negara bangsa di antara zaman Kerajaan Melayu Awal dan Malaysia. iii. Pelajar mengulas kepentingan ciri-ciri yang menjadi warisan asas kepada negara bangsa kerajaan Malaysia. iv. Pelajar memberi pandangan terhadap pembelajaran oleh muzium sebelum dan selepas proses p&p dan modul permuziuman.

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH 10)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tema/Tajuk	KEDAULATAN NEGARA YANG DI-PERTUAN AGONG
Masa	60 minit
Objektif Pembelajaran	<p>Pada akhir pembelajaran dan pengajaran, murid dapat;</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan peranan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara Malaysia. ii. Menyenaikan cara pelantikan Yang di-Pertuan Agong. iii. Menyatakan 3 kepentingan mempertahankan institusi beraja.
Aktiviti	<ol style="list-style-type: none"> i. Guru menunjukkan <i>power point</i> tentang kedudukan Yang di-Pertuan Agong dalam kerajaan. ii. Guru membahagikan murid-murid kepada 6 kumpulan. Setiap kumpulan sekurang-kurangnya 4 orang. iii. Menggunakan strategi permainan <i>jigsaw problem solving</i>, setiap kumpulan dibekalkan dengan dua sampul surat. Sampul surat 1 mengandungi soalan dan sampul surat 2 pula mengandungi maklumat-maklumat yang diperlukan untuk jawapan tersebut. iv. Murid-murid akan pergi ke kumpulan-kumpulan lain bagi menyelesaikan masalah/menjawab soalan yang mereka dapat. v. Murid-murid diberi masa selama 15 minit untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. vi. Murid-murid kemudian diminta membentangkan jawapan mereka setelah masa tamat.
EMK	<p>Nilai Murni : Bersyukur, berusaha</p> <p>KPS : Isu dan masalah masa lalu, mencari sumber, signifikan bukti</p> <p>Dimensi Kewarganegaraan : Perkongsian sejarah kesetiaan</p>
Bahan Bantu Mengajar	Gambar, peta, kad arahan, soalan, maklumat untuk soalan, <i>jigsaw puzzle</i> .

PELAN PENDIDIKAN MUZIUM (PPM 10)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tajuk/Sub Topik	KEDAULATAN NEGARA YANG DI-PERTUAN AGONG
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> i. Memberi pendedahan tentang warisan negara yang merangkumi aspek institusi raja, agama Islam dan bahasa Melayu seperti yang termaktub dalam perlembagaan negara. ii. Memberi pemahaman supaya pelajar dapat menghayati dan menghargai tradisi tersebut sebagai warisan negara bagi melahirkan semangat jati diri dan taat setia kepada negara.
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar dibawa melawat ke galeri. ii. Pelajar dibahagikan kepada kumpulan untuk melengkapkan susunan gambar-gambar Yang di-Pertuan Agong Malaysia mengikut turutan. iii. Demonstrasi lipatan destar dan cara pemakaian.
Koleksi	Pakaian istiadat Yang di-Pertuan Agong. Alat-alat kebesaran diraja.
BBM	Tayangan klip video pertabalan.
Refleksi	<ul style="list-style-type: none"> i. Membuat kesimpulan dan berkongsi pendapat tentang aktiviti yang telah dijalankan. ii. Mengenalpasti pengetahuan sedia ada pelajar berkenaan peranan Yang di-Pertuan Agong. iii. Pelajar mengulas kepentingan mempertahankan institusi beraja. iv. Pelajar memberi pandangan terhadap pembelajaran oleh muzium sebelum dan selepas proses p&p dan modul permuziuman.

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH 11)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tema/Tajuk	KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA : KESULTANAN MELAYU MELAKA
Masa	60 minit
Objektif Pembelajaran	<p>Pada akhir pengajaran dan pembelajaran murid dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menyenaraikan ciri-ciri asas negara dan bangsa pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. ii. Menghuraikan ciri-ciri asas negara dan bangsa yang diamalkan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.
Aktiviti	<ol style="list-style-type: none"> i. Guru menunjukkan gambar Susun Lapis Sistem Pembesar 4 Lipatan. ii. Murid menterjemahkan gambar Susun Lapis Sistem Pembesar 4 Lipatan. iii. Guru menayangkan video yang berkaitan dengan negara dan bangsa Kesultanan Melayu Melaka. iv. Murid mengadakan perbincangan dan menyediakan peta pokok atau peta bulatan yang menerangkan 6 ciri-ciri negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.
EMK	<p>Nilai Murni : Menghormati institusi pemerintahan negara</p> <p>KPS : Kronologi, meneroka bukti</p> <p>TMK : Belajar melalui TMK</p>
Bahan Bantu Mengajar	<ol style="list-style-type: none"> i. Komputer, LCD, video ii. Lembaran peta pokok iii. Kertas mahjong

PELAN PENDIDIKAN MUZIUM (PPM 11)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tajuk/Sub Topik	KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA : KESULTANAN MELAYU MELAKA
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> i. Memberi pendedahan kepada pelajar terhadap cap mohor sebagai lambang asas ciri-ciri negara dan bangsa zaman Kesultanan Melayu Melaka. ii. Memberi pendedahan terhadap mata wang era Kesultanan Melayu Melaka yang menjadi asas kepada perkembangan Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa. iii. Kepentingan lambang dalam pembentukan negara bangsa pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar dibawa melawati galeri dan diberi penerangan berkenaan asas pembentukan Kerajaan Melayu Melaka. ii. Kurator menunjukkan kepelbagaian koleksi cap mohor dan matawang dan penerangan berkaitan (<i>slide power point & edaran</i>). iii. Pelajar diminta untuk menyentuh dan mengenal pasti tekstur koleksi. iv. Kurator membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk perbincangan mengenai cop mohor dan mata wang yang digunakan semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka.
Koleksi	<p>Sulalatus Salatin. Cap mohor dan mata wang. The Federation of Malaya Agreement 1948.</p>
BBM	<ul style="list-style-type: none"> i. <i>Slide power point</i>. ii. Cap mohor atas surat-surat Raja Melayu & Francis Light. iii. Ekstrak Misa Melayu – ciri-ciri yang menjadi asas Perlembagaan 1948 & 1957. iv. Wang kertas Jepun, duit tampang, acuan duit tampang, syiling zaman penjajahan.
Refleksi	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengetahui pengetahuan sedia ada pelajar berkenaan lambang-lambang yang merupakan antara ciri-ciri asas negara dan bangsa pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. ii. Pelajar menjawab <i>pop quiz</i> berkaitan perbezaan ciri-ciri negara dan bangsa di antara zaman Kerajaan Melayu Melaka dan Malaysia. iii. Pelajar memberikan pandangan terhadap pembelajaran oleh muzium sebelum dan selepas proses p&p dan modul permuziuman.

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH 12)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tema/Tajuk	KEMAKMURAN DAN KEKAYAAN NEGARA KITA YANG MENARIK BRITISH BARU MENJAJAH, PENAPAKAN DAN PERLUASAN PENGARUH BRITISH (PULAU PINANG)
Masa	60 MINIT
Objektif Pembelajaran	<p>Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menceritakan tentang masalah di Kedah yang membawa campur tangan British di Pulau Pinang. ii. Menyatakan sebab-sebab pihak British mengambil Pulau Pinang dan Seberang Prai. iii. Memerihalkan kesan penapakan British di Pulau Pinang dan Seberang Prai.
Aktiviti	<ol style="list-style-type: none"> i. Set Induksi – peta lokasi Pulau Pinang. ii. Murid menceritakan tentang permasalahan yang berlaku di Kedah (aktiviti kumpulan). iii. Soalan kuiz secara berkumpulan. iv. Murid ditunjukkan gambar-gambar tentang kesan kedatangan Kolonial (ekonomi, sosial dan politik). v. Menggunakan peta <i>i think</i> (peta buih) - murid dikehendaki menjawab soalan mengenai kesan pendudukan British terhadap Pulau Pinang.
EMK	<p>Nilai Murni : Kebijaksanaan pemimpin dalam menangani masalah negara</p> <p>KPS : Kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi</p> <p>Dimensi kewarganegaraan : Menghargai dan memanfaatkan aset-aset negara kita</p>
Bahan Bantu Mengajar	Kronologi jalinan peristiwa. Peta awal.

PELAN PENDIDIKAN MUZIUM (PPM 12)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tajuk/Sub Topik	KEMAKMURAN DAN KEKAYAAN NEGARA KITA YANG MENARIK BRITISH BARU MENJAJAH, PENAPAKAN DAN PERLUASAN PENGARUH BRITISH (PULAU PINANG)
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> i. Memberi penjelasan mengenai kronologi pengambilan Pulau Pinang (rentetan daripada pergolakan di Kedah). ii. Memberi pendedahan peranan Pelabuhan Pulau Pinang kepada British. iii. Dapat menunjukkan pandangan awal Pulau Pinang di Era Kolonial British (pemandangan bandar, pelabuhan, pengangkutan awal George Town).
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar dibawa melawati ke galeri (diberi penjelasan mengenai kronologi pengambilan Pulau Pinang oleh Kurator/Pegawai bertugas). ii. Pelajar diminta menceritakan semula sejarah pengambilan Pulau Pinang melalui aktiviti berkumpulan). iii. Pelajar dibawa melawat Galeri Robert Smith (pelajar melihat dan diberi penjelasan mengenai lukisan pemandangan awal Pulau Pinang era pendudukan British). iv. Pelajar dibawa melawat panel khas poskad/imej pemandangan awal Pulau Pinang serta kesan pendudukan era kolonial, Kurator/Pegawai bertugas membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk perbincangan mengenai kesan kedatangan kolonial.
Koleksi	<ul style="list-style-type: none"> i. Kronologi jalinan peristiwa. ii. Lukisan Sejarah Robert Smith dan pelbagai pengkarya. iii. Peta awal. iv. Pemandangan awal era Kolonial.
BBM	<ul style="list-style-type: none"> i. Galeri Lukisan Robert Smith. ii. Gambar pemandangan awal pendudukan Kolonial (ekonomi, sosial dan politik). iii. Rempah ratus yang diperdagangkan di Pelabuhan Pulau Pinang.
Refleksi	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengenal pasti pengetahuan sedia ada pelajar berkenaan sejarah awal Pulau Pinang dan peristiwa penyerahan Pulau Pinang kepada British. ii. Pelajar mengulas kesan-kesan pendudukan era Kolonial. iii. Pelajar memberikan pandangan terhadap pembelajaran oleh muzium sebelum dan selepas proses p&p dan modul permuziuman.

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH 13)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tema/Tajuk	BENDERA KEBANGSAAN
Masa	60 MINIT
Objektif Pembelajaran	<p>Pada akhir pembelajaran dan pengajaran, murid dapat;</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan makna warna dan lambang pada bendera kebangsaan. ii. Menyatakan tiga cara menghormati bendera kebangsaan. iii. Menyatakan 3 kepentingan bendera kebangsaan sebagai identiti negara.
Aktiviti	<ol style="list-style-type: none"> i. Nyanyian lagu Jalur Gemilang. ii. Guru tunjukkan dua rangkap pantun teka teki di depan kelas. iii. Minta murid membaca pantun tersebut berama-ramai. iv. Guru membahagikan pelajar kepada 4 kumpulan dan duduk dalam stesyen. v. Guru mengedarkan petikan berhubung bendera kebangsaan. vi. Murid diminta melengkapkan jadual dengan mendapatkan maklumat dari sampul surat mereka atau kumpulan lain. vii. Murid menjawab soalan dalam lembaran kerja yang dibekalkan.
EMK	<p>Nilai Murni : Bersyukur, berusaha</p> <p>KPS : Membuat rasionalisasi, Imaginasi dan Empati</p> <p>Dimensi Keterikatan emosi kepada negara</p> <p>Kewarganegaraan : Perkongsian masa depan</p>
Bahan Bantu Mengajar	Pantun, kad arahan, lembaran kerja

PELAN PENDIDIKAN MUZIUM (PPM 13)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tajuk/Sub Topik	BENDERA KEBANGSAAN
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> i. Menerangkan sejarah dan fungsi bendera Malaysia sebagai lambang kenegaraan. ii. Mengukuhkan pemahaman dan memupuk semangat patriotik melalui lambang-lambang kenegaraan seperti jata negara, bendera kebangsaan, lagu kebangsaan, bahasa kebangsaan dan bunga kebangsaan. iii. Membentuk jati diri dan rasa bangga terhadap negara.
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar dibawa melawati galeri dan diberi penerangan berkenaan lambang kenegaraan dan sejarah bendera kebangsaan. ii. Pelajar perlu menginterpretasi dan menerangkan ciri-ciri yang terdapat pada bendera kebangsaan. iii. Pelajar dibahagikan kepada kumpulan dan setiap kumpulan perlu melengkapkan semua soalan dengan jawapan yang betul. Pelajar perlu menjawab soalan dan menyelesaikan tugas yang berkaitan dengan tajuk.
Koleksi	Bendera Pertama Persekutuan Tanah Melayu
BBM	Tayangan klip video 'Prank Bendera Malaysia' dan kempen 'Salute Malaysia'.
Refleksi	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengenal pasti pengetahuan sedia ada pelajar berkenaan lambang-lambang negara. ii. Pelajar menjawab pop quiz berkaitan sejarah bendera kebangsaan. iii. Pelajar mengulas kepentingan ciri-ciri yang menjadi warisan kepada asas negara dan bangsa Kerajaan Malaysia. iv. Pelajar memberikan pandangan terhadap pembelajaran oleh muzium sebelum dan selepas proses p&p dan modul permuziuman.

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH 14)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tema/Tajuk	KEMUNCULAN TAMADUN ISLAM DAN PERKEMBANGANNYA DI MAKKAH
Masa	60 minit
Objektif Pembelajaran	<p>Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menceritakan riwayat hidup Nabi Muhammad SAW sehingga dilantik menjadi rasul. ii. Menyatakan cara penyebaran Islam di Makkah. iii. Menghuraikan penyebaran Islam di Makkah. iv. Menyatakan reaksi masyarakat Arab terhadap penyebaran Islam di Makkah.
Aktiviti	<ol style="list-style-type: none"> i. Menonton video tentang kemunculan Islam dan perkembangannya di Makkah. ii. Menyatakan tentang konsep Jahiliah dan ciri-cirinya. iii. Menyenaikan ciri-ciri keperibadian Nabi Muhammad SAW. iv. Membentangkan jawapan berdasarkan arahan yang diberikan dalam lembaran kerja i-Think.
EMK	<p>Nilai Murni : Bersyukur, kasih sayang, keharmonian dan kesejahteraan</p> <p>KPS : Kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi</p> <p>TMK : Belajar melalui TMK</p>
Bahan Bantu Mengajar	Komputer, slide Power Point, video dan buku teks

PELAN PENDIDIKAN MUZIUM (PPM 14)

MATA PELAJARAN	SEJARAH
Tajuk/Sub Topik	KEMUNCULAN TAMADUN ISLAM DAN PERKEMBANGANNYA DI MAKKAH
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> i. Menerangkan sejarah kedatangan Islam di Asia Tenggara dan Malaysia. ii. Mengukuhkan pemahaman mengenai tamadun Islam. iii. Membentuk jati diri dan semangat perpaduan dan saling menghormati amalan agama masing-masing.
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar dibawa melawati galeri dan diberi penerangan berkenaan pengaruh dan kesan kedatangan Islam di Asia Tenggara. ii. Pelajar perlu menginterpretasi dan menerangkan ciri-ciri yang terdapat pada artifak yang mempunyai pengaruh Islam. iii. Pelajar dibahagikan kepada kumpulan dan setiap kumpulan perlu melengkapkan semua soalan dengan jawapan yang betul. Pelajar perlu menjawab soalan dan menyelesaikan tugas yang berkaitan dengan tajuk.
Koleksi	Batu Bersurat Terengganu Batu nisan Aceh
BBM	Komputer, multimedia, LCD, <i>slide power point</i> , replika artifak yang bersesuaian.
Refleksi	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengenal pasti pengetahuan sedia ada pelajar berkenaan tamadun Islam dan perkembangannya di Makkah. ii. Pelajar menjawab kuiz berkaitan tamadun Islam dan perkembangannya di Makkah. iii. Pelajar memberikan pandangan terhadap pembelajaran oleh muzium sebelum dan selepas proses p&p dan modul permuziuman.

Penghargaan

Penghasilan Buku Panduan Pelaksanaan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) ini melibatkan pelbagai jabatan, agensi dan individu.

Jabatan Muzium Malaysia ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu memberikan idea dan sumbangan mahupun secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan buku ini untuk panduan kepada pihak institusi muzium, sekolah dan institusi perguruan.